

## PEMBIAYAAN ASB

- Kaedah alternatif untuk melabur dalam ASB selain daripada pelaburan secara tunai.
- Kemudahan ini ditawarkan oleh ejen-ejen bank ASNB untuk pelabur yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak bank.

### Maklumat Asas Pembiayaan ASB



Instrumen pelaburan yang tertakluk kepada kadar pembiayaan dan caj-caj berkaitan.



Tidak memerlukan bayaran pendahuluan atau sebarang bentuk cagaran.



Dilengkapi insuran/takaful sebagai perlindungan risiko terhadap kematian atau kehilangan upaya.  
(Sila rujuk bank berkaitan untuk butiran lanjut).



Instrumen pelaburan yang berpotensi membantu anda mencapai objektif kewangan jangka panjang dengan 'pelaburan paksa'.

### Manfaat Kuasa Kompaun

#### Apa itu kuasa kompaun?

Pulangan atas modal pelaburan yang telah berkembang hasil daripada pulangan/keuntungan setiap tahun. Manfaat ini lebih berkesan dengan modal pelaburan awal yang besar samada tunai atau pembiayaan ASB.



#### Tip

Tetapkan 10% daripada gaji kasar anda untuk komitmen simpanan secara paksa.



**Simpan dahulu, baru belanja!**

## PANDUAN

**Tetapkan Jumlah Pembiayaan Yang Sesuai Untuk Anda**  
Tentukan jumlah pembiayaan mengikut pendapatan dan jumlah ansuran bulanan yang anda mampu.

Gaji bulanan	Jumlah Ansuran Bulanan Yang Anda Mampu*	Jumlah Pembiayaan
Kurang RM2,500	RM178	RM30,000
RM2,500 - RM4,000	RM297 RM415	RM50,000 RM70,000
RM4,000 - RM10,000	RM593 RM1,186	RM100,000 RM200,000

\*Andaian kadar keuntungan (kadar pembiayaan) ialah 3.75% dan tempoh pembiayaan 20 tahun

### Pembiayaan ASB memberikan kelebihan modal pelaburan sekaligus

Manfaatkan sepenuhnya kuasa kompaun melalui modal pelaburan sekaligus dan dividen yang dikekalkan dengan pembiayaan ASB berbanding pelaburan bulanan pada jumlah yang kecil.

	Modal sekaligus dengan pembiayaan ASB	Modal sekaligus melalui pelaburan sendiri	Pelaburan bulanan tanpa modal awal (contoh: Auto Labur)
Modal pelaburan	RM50,000	RM50,000	RM0
Ansuran/pelaburan bulanan	RM297*	Tiada	RM300
Tempoh pembiayaan/pelaburan	20 tahun		
Andaian kadar dividen <sup>#</sup>	5.0%		
Jumlah keseluruhan bayaran/jumlah modal pelaburan	RM71,280	Tidak berkaitan	RM72,000
• Jumlah pembiayaan	•RM50,000		
• Jumlah bayaran faedah	•RM21,280		
<b>Jumlah pelaburan terkumpul pada akhir tahun ke-20</b>	<b>RM132,665</b>	<b>RM132,665</b>	<b>RM122,261</b>
Jumlah keuntungan pelaburan	RM61,385	RM82,665	RM50,261

\*Andaian kadar keuntungan (kadar pembiayaan) ialah 3.75% dan tempoh pembiayaan 20 tahun  
<sup>#</sup>Berdasarkan jumlah agihan pendapatan dan bonus ASB tahun kewangan 2021

Pengiraan terperinci di laman web ASNB  
[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)



## RISIKO BERKAITAN PEMBIAYAAN ASB

Berhati-hati dengan risiko berkaitan pembiayaan ASB dan implikasinya.

RISIKO	IMPLIKASI	CARA MENANGANI
<b>Kadar dividen tidak tetap</b>	Kadar dividen bergantung kepada prestasi pelaburan ASB dan ekonomi semasa. Prestasi masa lalu tidak menjamin prestasi masa hadapan.	Jumlah sasaran dan tempoh pelaburan perlu disemak semula dari semasa ke semasa.
<b>Kadar pembiayaan berubah-ubah</b>	Pembiayaan ASB terdedah kepada risiko kadar pembiayaan. Kenaikan kadar boleh meningkatkan jumlah ansuran bulanan.	Semak kadar semasa pembiayaan apabila berlaku perubahan pada OPR (kadar polisi semalaman). Sentiasa bersedia dengan lebih aliran tunai untuk menampung sebarang kenaikan kadar pembiayaan.
<b>Perbezaan antara kadar dividen dan kadar pembiayaan</b>	Ketahui perbezaan ( <i>spread</i> ) antara kadar dividen dan kadar pembiayaan yang berkemungkinan memberi kesan negatif terhadap pelaburan anda.	Struktur semula strategi pelaburan melalui khidmat nasihat di ASNB/ejen sekiranya ia memberi kesan yang negatif ke atas aliran tunai dan komitmen bulanan anda.
<b>Perancangan yang lemah dan melebihi kemampuan</b>	Anda mungkin tidak mencapai objektif pelaburan yang diharapkan sekiranya dividen digunakan untuk membayar ansuran bulanan ( <i>dividend-rolling</i> ) atau untuk tujuan lain.	Elakkan dari mengamalkan <i>dividend-rolling</i> . Semak semula kemampuan anda. Kembangkan pelaburan anda melalui kuasa kompaun ke atas modal pelaburan dan dividen.
<b>Nilai serahan berbeza mengikut bank</b>	Jumlah nilai serahan ( <i>surrender value</i> ) yang diperoleh apabila menamatkan pembiayaan ASB sebelum tarikh matang mungkin minimum atau tiada langsung.	Jangan ambil pembiayaan ASB untuk jangka pendek dan mengharapkan jumlah <i>surrender value</i> bagi mencapai objektif pelaburan. Pada awal tempoh pembiayaan, sebahagian besar ansuran adalah untuk membiayai kos pinjaman.

## TIP PEMBIAYAAN ASB YANG DISYORKAN

### RANCANG



#### Ikut kemampuan

Sediakan bajet untuk ansuran bulanan ke atas pembiayaan mengikut kemampuan dan komitmen bulanan anda. Jangan bergantung kepada dividen tahunan.



#### Pertimbang komitmen masa hadapan

Pembiayaan ASB bersifat jangka panjang memerlukan anda mengambil kira komitmen kewangan lain seperti pembelian rumah, kereta atau perbelanjaan keluarga yang meningkat.

### KEMBANG



#### Labur dengan disiplin

Disiplinkan diri untuk membayar ansuran bulanan tanpa menggunakan dividen tahunan. Anggap seperti anda membayar ansuran pembiayaan kereta/rumah.



#### Kekalkan dividen

Beri peluang pelaburan dan dividen berkembang dengan mengekalkan dividen tahunan. Lebih banyak dividen disimpan (*compounded*), lebih besar manfaatnya berbanding menggunakannya untuk membayar ansuran bulanan.



#### Strategi 'biarkan pelaburan berkembang'

Antara strategi pembiayaan yang boleh dipraktikkan ialah tetapkan bayaran auto-debit untuk ansuran bulanan. Apabila matang nanti, anda dapat menikmati hasil daripada pembiayaan tersebut.

### LINDUNG



#### Ambil takaful/insuran

Perlindungan takaful yang kebiasaannya ditawarkan bersama pembiayaan ASB dapat memberikan ketenangan terhadap sebarang risiko kematian dan kehilangan upaya.



- Terma yang tepat untuk 'dividen' adalah agihan pendapatan.
- Secara umum, unit amanah memberikan pulangan berbentuk dividen (agihan pendapatan) dan peningkatan Nilai Aset Bersih (NAB).
- Unit amanah harga tetap seperti ASB memberikan pulangan berbentuk agihan pendapatan sahaja.

## KATEGORI PELABUR



**Pelabur bijak memilih untuk mengekalkan dividen bagi memanfaatkan kuasa kompaun.**

**Anda kategori pelabur yang mana?**

Jumlah pembiayaan: RM50,000		Tempoh pembiayaan: 20 tahun
Kadar pembiayaan: 3.75%	Kadar dividen*: 5.0%	Ansuran bulanan: RM297

\*Berdasarkan jumlah agihan pendapatan dan bonus ASB tahun kewangan 2021

	<b>Pelabur A</b> ★★★★★ Pilihan Pelabur Bijak	<b>Pelabur B</b> ★★★	<b>Pelabur C</b> ★★★
Cara anda mengurus dividen	Mengekalkan dividen	Menggunakan dividen untuk tujuan gaya hidup dan hobi	Menggunakan dividen untuk membayar ansuran bulanan ( <i>dividend rolling</i> )
Hasilnya	Anda menikmati pulangan pelaburan yang optimum dan manfaat pelaburan jangka panjang melalui kuasa kompaun	Anda melepaskan peluang mendapat manfaat kuasa kompaun ke atas modal pelaburan dan dividen terkumpul	Anda hanya mendapat jumlah modal pelaburan sahaja kerana melepaskan peluang untuk mendapat pulangan ke atas dividen
Dividen ASB terkumpul	<b>RM82,665</b>	<b>Tiada</b>	<b>Tiada</b>
Jumlah pelaburan pada tarikh matang	<b>RM132,665</b>	<b>RM50,000</b>	<b>RM50,000</b>

## MAKLUMAT BERKAITAN PEMBIAYAAN ASB

Dapatkan maklumat betul dan penerangan berserta fakta daripada sumber rasmi dan dipercayai.



### Berhati-hati dengan maklumat tidak tepat dan mengelirukan

Berwaspada dengan mana-mana pihak yang hanya memberi gambaran baik sahaja atau pandangan berat sebelah berkenaan pembiayaan ASB.

Antara kenyataan yang boleh mengelirukan adalah seperti:-

- “Bayar tahun pertama sahaja, tahun kedua dan seterusnya gunakan dividen”
- “Ambil pembiayaan ASB tidak akan rugi”



### Berhati-hati terhadap scam

Berhati-hati dengan pihak yang menggunakan pembiayaan ASB dalam aktiviti penipuan/scam. Sentiasa rujuk maklumat di laman web rasmi ASNB atau ejen-ejen yang menawarkan fasiliti pembiayaan ASB.



### Berhati-hati agar tidak melebihi kemampuan

Jauhi pihak yang mendesak anda supaya mengambil jumlah pembiayaan yang lebih tinggi berbanding kemampuan anda.

Untuk sebarang khidmat nasihat berkaitan pembiayaan ASB, hubungi **Pusat Khidmat Nasihat Pembiayaan ASB di talian 03-7730 8899 atau email di asbf@pnb.com.my**

[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)



Amanah Saham Nasional Berhad | 197901003200 (47457-V)  
 Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad | 197801001190 (38218-X)

Bagi mana-mana pembiayaan pinjaman unit amanah yang disediakan, pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan penyata pendedahan risiko pembiayaan pinjaman unit amanah sebelum membuat keputusan untuk membuat pinjaman bagi tujuan membeli unit amanah. Penyata tersebut akan diberikan oleh pihak bank pada setiap permohonan pembiayaan ASB.

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 (“Prospektus”), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) untuk kenyataan penafian terkini.



**Bina Perancangan  
 Kewangan Kukuh Dengan  
 Pelaburan Sistematis Melalui  
 Pembiayaan ASB**